

Berikrar akan teruskan cita2nya di bidang pelajaran

Amanat terakhir Tun jadi panduan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad

BH 19 JAN 1976

DR. MAHATHIR Mohamad akan menjadikan amanat terakhir Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai garis panduan dalam menjalankan tugas selaku Menteri Pelajaran.

Allahyarham sebelum berlepas ke London telah berpesan kepada Dr. Mahathir di lapangan terbang Subang supaya bekerja

keras, tegas dan adil. "Allahyarham selalu mengingatkan saya bahawa hal-ehwal pelajaran satu bidang yang paling rumit dan sentiasa berdepan dengan cabaran serta masalah nasional.

"Menurut Allahyarham Tun, kejayaan dalam mengendalikan tugas-tugas itu dengan bekerja keras, tegas dan adil dalam sebarang tindakan," kata Dr. Mahathir dalam satu pertemuan, hari ini.

Menurut Menteri Pelajaran itu, inilah nasihat selalu diucapkan oleh Allahyarham kepadanya



sehinggalah ke saat pemergiannya untuk berangkat di London.

Dr. Mahathir menyatakan beliau selalu dipanggil oleh Allahyarham samada pada hari cuti umum atau hari minggu secara persendirian untuk berbincang mengenai hal-ehwal pelajaran dan pentadbiran kementeriannya.

"Allahyarham selalu memberi pandangan-pandangan yang luas kepada saya supaya sesuatu keputusan yang dibuat dalam menyelesaikan satu-satu per-

kara dibuat dengan lebih bijak," ujarnya.

Ambil berat

Kata Dr. Mahathir, Allahyarham sangat mengambil berat dalam setiap segi mengenai hal-ehwal pelajaran negara, "beliau k lalai dalam perkara ini."

"Boleh dikatakan setiap perkara yang penting dalam bidang pelajaran dilakukan dengan pengetahuan dan rundingan dengan Allahyarham.

"Allahyarham tidak mahu sebarang masalah dalam pelaksanaan dasar pelajaran negara di selindungi kepadanya.

"Allahyarham sendiri tahu cara mendalam mengenai hal-ehwal pelajaran, serta perkembangan - perkembangan mengenainya," katanya.

Satu perkara yang mengagumkan, tambah Dr. Mahathir, pengetahuan yang mendalam

Allahyarham mengenai setiap perkara.

"Pandangan serta nasihat yang diberikan kepada saya selalu berasaskan kepada pengalamannya yang luas di dalam bidang pelajaran.

"Jawatan pertama Allahyarham ialah sebagai Menteri Pelajaran dan beliaulah yang membentuk dasar pelajaran yang ada sekarang yang dikenali sebagai Penyata Razak sudah tentu mempunyai pengalaman yang

luas dalam bidang ini," katanya.

Memandangkan kepada bakti dan jasa-jasa Allahyarham dalam lapangan pelajaran negara, tegas Dr. Mahathir, beliau bukan sahaja Bapa Pembangunan, tetapi juga Bapa Pelajaran Negara, kerana pelajaran adalah antara bidang yang diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Menurut Dr. Mahathir, sejak lahirnya penyata Razak, kecenderungan Allahyarham di dalam bidang pelajaran negara tidak pernah kurang.

Katanya lagi, Allahyarham menggunakan bidang pelajaran sebagai alat untuk perkembangan pengetahuan dan alat perpaduan membentuk satu rumpun bangsa rakyat Malaysia.

Menurutnya lagi, Allahyarham juga mengutamakan bidang pelajaran untuk mengadakan peluang-peluang pelajaran supaya Bumipu-

tra khasnya tidak ketinggalan dalam apa jua lapangan.

Cita2nya

Dr. Mahathir berikrar untuk meneruskan cita-cita Allahyarham Tun Abdul Razak itu.

"Saya sebagai Menteri Pelajaran yang dilantik oleh Allahyarham dengan penuh kepercayaan akan cuba meneruskan cita-citanya untuk mengurangkan keplincangan di dalam masalah pelajaran samada di dalam atau luar bandar," tegasnya.

Soal inilah yang selalu dititik beratkan oleh Allahyarham semasa hayatnya, kata Dr. Mahathir. "Saya tidak akan mengecewakan harapan Allahyarham."

"Apa juga cadangan yang boleh menentukan tercapainya hasrat tersebut, Allahyarham sedia menyokong tanpa mengira daripada pihak manakah datangnya cadangan-cadangan itu," tegasnya.

Katanya lagi, penubuhan tiga buah universiti terakhir seperti Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Pulau Pinang dan Universiti Teknologi Malaysia adalah hasil daripada usaha persendirian Allahyarham Tun Abdul Razak.

Kepercayaan

Perlantikannya sebagai Menteri Pelajaran oleh Allahyarham disifatkan sebagai satu penghormatan dan kepercayaan.

"Saya terpaksa mem-

buktikan bahawa kepercayaan ini adalah kena pada tempatnya.

"Dan bukti yang boleh saya tunjukkan ialah dengan berusaha dan bekerja keras yang telah diamanatkan kepada saya supaya cita-cita Allahyarham dalam bidang pelajaran ini dapat dipenuhi dalam jangka masa yang sependek-pendeknya," ujar beliau.

Katanya lagi, Allahyarham sentiasa memberi sokongan penuh ke atas sebarang keputusan yang telah diambil dan tidak pernah menarik balik keputusan-keputusan itu.

"Sikap ini menyenangkan lagi saya dalam menjalankan tugas sebagai Menteri Pelajaran.

"Bagaimanapun, sebelum satu-satu keputusan itu dibuat, Allahyarham mengkaji perkara-perkara berkenaan secara perincian.

Perubahan

"Allahyarham menaruh kepercayaan penuh kepada sesiapa sahaja yang diberikan sesuatu tanggungjawab," katanya.

Menurutnya, sejak Pennyata Razak dilaksanakan, banyak perubahan yang dapat dibuktikan.

Misalnya, sekarang begitu ramai penuntut yang dapat menyuarakan masalah-masalah kedudukan di luar bandar, mereka yang tidak berpeluang mendapat pelajaran tinggi telah pun dapat peluang itu dan juga peluang menyuarakan perasaan mereka.